



SIARAN AKHBAR

FINAL - 20211006

---

**MAJLIS PELANCARAN BRUNEI CONFERENCE ON FOREST : “FORESTS AND BIODIVERSITY: UNVEILING ITS ECONOMIC POTENTIAL”**

---

**Khamis, 29 Syawal 1442H bersamaan 10 Jun 2021**

Sebagai kesinambungan dengan acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei atau Brunei MYCE 2021, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dan penganjur bersama, Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS) pada hari ini telah melancarkan **Brunei Darussalam Conference On Forest dengan tema: “Forests And Biodiversity: Unveiling Its Economic Potential”**. Persidangan ini bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Dayang Khairunisa binti Haji Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Juga turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah Dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, duta-duta besar dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi ke Negara Brunei Darussalam dan wakil dari agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari, bermula pada hari ini sehingga 11hb Jun 2021 akan menerokai peluang untuk perkembangan ekonomi hijau melalui pengkomersialan biodiversiti hutan, seperti industri hiliran dan eko-pelancongan. Menyediakan peluang-peluang penyelidikan dan pembangunan dalam perhutanan, biodiversiti dan pemuliharaan hutan. Persidangan akan dibahagikan kepada tiga topik tematik iaitu; “Biodiversity And Economy”, “Green Economy For Sustainable Future” dan “Research Opportunities: Economic Diversification And Protection”.

Dalam kata ucapan tetamu kehormat majlis, menyentuh mengenai kepentingan biodiversity hutan dan ekonomi khususnya ekonomi hijau. (Refer to Attachment 1 – **Yang Berhormat Minister’s speech**).

Persidangan turut menampilkan pembentangan kertas dari pakar-pakar serta penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar negara.

Dr Wong Khoon Meng dari Singapore Botanic Garden dalam pembukaan ucapan bertajuk “**Economic, Endemic, Environment: Brunei Context**”. (Refer to Attachment 2 - **Summary of Dr Wong presentation**).

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengongsikan topik pembentangan “**Managing Forest Biodiversity for Its Economic Value Brunei Darussalam’s Perspective**”. (Refer to Attachment 3 - **Summary of Yang Mulia Hajah Tutiaty presentation**).

Manakala, Yang Mulia Dr Nor Imthihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah Dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan melalui topik pembentangan ‘**BNCCP – Towards a Resilient and Sustainable Future**’. (Refer to Attachment 4 - **Summary of Yang Mulia Dr Nor Imthihan presentation**).

Yang Mulia Noralinda binti Haji Ibrahim, Pengarah Perhutanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bertajuk “**Brunei Forestry Sector: In Support to Green Economy**” (Refer to Attachment 5 - **Summary of Yang Mulia Noralinda presentation**).

Pameran yang bertemakan ‘Green Space’ turut dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan. Ekspo turut disertai Sekretariat Perubahan Iklim Brunei Darussalam (BCCS), Jabatan Perhutanan dan beberapa syarikat hiliran.

Antara tujuan pameran ‘Nurture the Nature for our Future’ adalah untuk menggalakkan dan mempamerkan produk-produk dan perkhidmatan yang terdapat dari sumber hutan. Di samping itu, tujuan expo adalah memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai pentingnya memelihara hutan bagi generasi yang akan datang.

Brunei MYCE 2021 merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menarik pasaran mesyuarat, insentif, persidangan dan acara.

Orang ramai adalah dijemput untuk hadir menyaksikan pameran sambil mengikut garispandu yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang, [www.bruneitourism.com/brunei-myce](http://www.bruneitourism.com/brunei-myce).

**Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Perhutanan  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
10 Jun 2021**